H8

# Seni silat Melayu hampir lenyap ditelan masa

-3 JAN 1974

SIKAP suka menyembunyikan pengetahuan dan tidak ada usaha mengembang dan menyelidik seni silat Melayu adalah merupakan punca utama seni silat hampir lenyap dan tidak populer hari ini.

Boleh dikatakan hampir beribu pemuda-pemudi yang telah menuntut seni silat gayung tidak lagi kedengaran keahlian ataupun adanya usaha dikalangan mereka untuk mengembangkan seni itu, kata Encik Mas Dawi.

Seorang teknisyen dan pernah menuntut berbagai seni pertahanan diri, Encik Mas Dawi menegaskan bahawa tanpa satu langkah gigih diambil mulai sekarang seni pertahanan diri Melayu seperti silat akan lenyap ditelan masa.

Dia menyarankan agar guru-guru seni itu, bukan hanya membuka klas mereka kepada muda-mudi Melayu bahkan kepada semua bangsa dan mengajarnya dengan lebih mendalam dan meluas bagi mempopulerkannya semula.

Encik Mas Dawi berdemikian ketika [illegible] satu ceramah dan [illegible]ukan mengenai seni pertahanan diri di Bilik Syarahan Perpustakaan Negara, Stamford Road, petang semalam.

Dia menjelaskan bahawa sejak dulu dan sekarang juga guru-guru Melayu yang mengajar seni silat tidak begitu tekun dan ragu-ragu membuka klas dengan terbuka dengan mendapat permit.

"Oleh kerana inilah semakin lama semakin sedikit orang mengetahui atau mahir dalam seni silat dan akhirnya orang-orang Melayu sendiri lebih gemar menuntut judo, tae-kwon-do ataupun karate," katanya.

## Gelaran

Menurut Encik Mas Dawi, tidak ada banyak perbezaan dalam seni pertahanan diri yang diketahui hari ini tetapi hanya sebutan dan gelaran yang diberikan kepada sesuatu jenis pertahanan saja yang membezakannya.

"Dalam seni silat terdapat berbagai rupa pertahanan diri yang juga dipelajari oleh penuntut-penuntut judo dan karate.

● Encik Mas Dawi (terlentang) sedang menerangkan tentang cara-cara mengelakkan semasa diserang oleh musuh. — Gambar BH oleh Rawi Ahmad.

# Makin ramai muda-mudi cebur diri dlm seni silat

-7 MAR 1974

KUMPULAN-KUMPULAN seni mempertahankan diri bercambah di mana-mana — menarik sebahagian besar dari golongan muda-mudi kita di Repablik ini.

Semakin ramai anak-anak muda mempelajari seni seperti Karate, Taekwon-Do dan Kungfu, samada sebagai satu jenis riadah atau pun untuk tujuan mempertahankan diri.

Dan semakin ramai juga anak muda kita masuk belajar seni Silat Melayu.

## Galakan

Memang mempelajari seni digalakkan oleh ibubapa dan rakan-rakan mereka yang lain kerana dengan menceburkan diri dalam bidang itu, sekurang-kurangnya akan menyelamatkan mereka dari pengaruh-pengaruh tidak sihat dari Barat.

Banyaknya kumpulan silat Melayu di merata Repablik ini dapat dilihat dari ramainya kumpulan yang mengambil bahagian dalam satu Pesta Silat 1974 di Panggung Victoria, minggu lalu.

Pesta yang dianjurkan oleh Badan Kesenian Melayu itu disertai oleh sejumlah 11 buah kumpulan silat yang terbagi kepada 35 regu.

Kumpulan-kumpulan itu ialah Kuntau Melaka, Silat Harimau, Perwanit, Balai Rakyat Sennet, Selat Chekak, Silat Sekolah Menengah Maju, Balai Rakyat Mountbatten,

Ismail, dalam ucapannya berkata: "Mutu persembahan seni Silat Melayu mestilah dipertinggikan dan seninya diperkenalkan kepada umum.

Encik Hussain telah menyarankan juga agar badan-badan silat dapat disatukan di bawah satu jawatankuasa pusat yang menyelia seni silat Melayu seperti — Gayong, Harimau, sending dan sebagainya.

Katanya, seni itu, sebagai satu lagi cabang kebudayaan kita mestilah terus dihidupkan agar tidak dilupakan oleh jenerasi muda yang akan datang.

"Andainya ia dapat dikembangkan lebih meluas lagi dan diterima sebagai salah satu cabang seni mempertahankan diri, kami pasti taraf Silat akan menjadi setanding dengan seni mempertahankan diri yang lain," ujarnya.

Pesta tersebut adalah yang pertama kali diadakan di Repablik ini dan diharapkan akan menjadi acara tahunan seni silat.

Ia lebih merupakan satu pertandingan di mana setiap kumpulan silat itu menunjukkan betapa cekap dan lancarnya mereka menggerakkan langkah mengikut seni masing-masing samada dalam bahagian jurus, bermain keris atau bermain parang.

Kumpulan silat Gerak 17 berjaya merebut piala Pusingan dalam pesta itu.

Kesenian Melayu da[…] satu taridra berjod[…] "Selimut Putih" ole[…] badan yang sama.

Taridra itu, yang d[…] persembahkan ole[…] muda-mudi badan it[…] memberikan sat[…] message bahawa ma[…] boleh datang pad[…] bila-bila masa saja.

Dalam taridra it[…] maut datang m[…] nyerang ke atas pen[…] antin lelaki dalam sat[…] keramaian persandin[…] an di mana suasa[…] sukaria bertukar me[…] jadi duka.

Adalah menggembi[…] akan sekali melihatka[…] baiknya sambuta[…] yang diberikan pad[…] malam itu, terutam[…] dari muda-mudi kit[…]

# Pegawai2 — baru Persatuan Pencak Silat Singapura

-6 JUN 1974

USTAZ Mohd. Taha S[…]haimi telah dipilih s[…] kali lagi sebagai Yang D[…]pertua Persatuan Penca[…] Silat Singapura (PE[…]PENSIS) dalam mesyuara[…] agungnya hujung mingg[…] lepas.

Mesyuarat itu yang telah berlangsung di Madrasah Al-Maarif, Ipoh Lan[…] telah memilih Encik Ju[…]maat Sidek, sebagai Nai[…] Yang Dipertua.

Haji Kamsin Pamer di[…]lantik sebagai Setiausaha[…] Encik Abdul Wahab Mai[…]den, Penolongnya, Enci[…] Abdul Karim Maidin, Ben[…]dahari, Encik Rawi Nahra[…]wi, Penolongnya, Enci[…] Abdullah Bunawi, Pegawa[…] Penerangan dan Enci[…]